

18/02/1998

Bekalan air ikut nilai mata wang

Kamal Ahmad

SERDANG, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menjelaskan syarat menyambung bekalan air ke Singapura tidak boleh ditetapkan sekarang kerana ia tertakluk perkembangan masa depan termasuk kos, harga dan nilai pertukaran wang.

Perdana Menteri berkata, tidak ada ugutan untuk memutuskan bekalan air ke Singapura.

Malaysia membekalkan 214 juta liter air mentah sehari ke Singapura dan membeli balik 35 juta liter air yang sudah ditapis daripada loji milik republik itu di Johor.

Bekalan itu adalah berdasarkan Perjanjian Air Sungai Johor 1961 dan 1962. Perjanjian pada 1961 akan tamat pada 2011, manakala perjanjian kedua pada 2061.

Bercakap kepada pemberita selepas mengiringi rakan sejawatnya dari Singapura, Goh Chok Tong melawat stesen televisyen satelit, Astro, di sini pagi ini, Dr Mahathir berkata Malaysia tidak boleh membuat keputusan mengenai syarat perjanjian terbaru itu kerana tidak tahu apakah keadaan sebenar pada masa akan datang.

"Kita tidak tahu keadaan pada masa akan datang, jadi kami tidak boleh membuat keputusan yang akan membabitkan kerajaan ketika itu. Apa yang kita lakukan ialah kita tidak akan memotong bekalan air. Kita akan teruskan bekalan itu.

"Ada juga beberapa cadangan supaya kita mengikat perjanjian tetapi kita tidak berupaya melakukannya. Jadi saya fikir, Goh faham kedudukan kita kerana air adalah hak kerajaan negeri dan bukan kerajaan Persekutuan.

"Malah saya sebenarnya sudah membuat satu komitmen sebelum mendapat persetujuan kerajaan negeri. Sebab itu, kita memerlukan 60 hari untuk menjadikannya rasmi kerana saya perlu meyakinkan rakan lain dan kerajaan negeri," katanya.

Mengenai bekalan air tambahan ke republik itu, Dr Mahathir berkata, ia adalah perkara yang berbeza dan tertakluk kepada kajian keperluan air negara ini pada masa depan.

Perdana Menteri juga berkata, Malaysia dan Singapura turut bersetuju merapatkan hubungan dan melupakan perkara lalu.

"Kami memutuskan supaya perhubungan yang lebih mudah diwujudkan antara jabatan dan kementerian yang berlainan. Sebarang masalah kecil mereka boleh selesaikan. "Jika ia tidak boleh diselesaikan di peringkat pegawai, mereka akan membawanya ke peringkat kami," katanya sambil mengalu-alukan kedatangan pelabur Singapura ke negara ini.

Tahun lalu, hubungan kedua-dua negara tegang berikutan kenyataan Lee Kuan Yew mengenai kadar jenayah di Johor dan menyifatkan negeri itu 'tidak selamat kerana terkenal dengan kes tembak-menembak, samun dan merampas kereta'.

Ditanya sama ada beliau dan Goh berbincang mengenai perkembangan di Indonesia, Dr Mahathir berkata, mereka membincangkan keadaan di sana secara umum.

"Kita tidak mahu campur tangan dalam urusan dalamannya. Kita tahu apa yang berlaku di Indonesia akan memberi kesan kepada seluruh rantau ini. Jadi, daripada aspek itulah kami berbincang," katanya.

Goh yang dalam rangka lawatan kerja dua hari ke sini,, berkereta ke Melaka sebelum pulang ke Singapura.

(END)

